

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA BANDAR SRI BEGAWAN
Tarikh: 12-07-2004
Tajuk : MAJLIS PERJUMPAAN DAN RAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT
MALAYSIA

Brunei dan Malaysia mempunyai hubungan yang sangat rapat dan menjangkau sejarah berkurun-kurun lamanya. Mustahil kita menyingkap sejarah mana-mana satu negara tanpa menemui hubungkait antara kedua-duanya. Khususnya apabila kita melihat sejarah Sabah dan Sarawak, sememangnya hubungan rapat kedua-dua negeri ini dengan negara Brunei Darussalam amat jelas.

Oleh kerana kaitan sejarah antara Malaysia dan Brunei begitu rapat, rakyat kedua-dua negara juga mempunyai hubungan yang sangat erat. Ini jelas kelihatan melalui persamaan-persamaan antara rakyat Malaysia dan Brunei. Bukan sahaja kita bertutur dalam bahasa yang sama, dan bukan sahaja agama Islam menjadi agama rasmi kedua-dua negara, kita juga berkongsi nilai-nilai yang serupa dan adat resam serta budaya yang tidak jauh bezanya.

Hubungan yang baik seperti yang terjalin antara Brunei dan Malaysia ini amat diperlukan, khususnya kebelakangan ini, bilamana keadaan sedunia menuntut negara-negara serantau berkerjasama dengan lebih rapat, bukan sahaja untuk kepentingan ekonomi tetapi juga demi menangani isu-isu keselamatan dan keamanan. Salah satu faktor yang mempengaruhi hubungan baik antara dua negara ialah hubungan yang wujud dikalangan rakyat negara-negara tersebut.

Dalam konteks ini peranan rakyat Malaysia di Brunei amat penting sekali. Setiap rakyat Malaysia yang berada di Brunei sebenarnya merupakan 'duta' bagi negara Malaysia. Dari merekalah rakyat Brunei akan membentuk pandangan pertama mereka terhadap Malaysia. Baik buruknya nama Malaysia di luar negara bergantung kepada tingkah laku dan sikap rakyatnya yang berada di negara asing itu.

Oleh itu sebagai rakyat Malaysia yang berada di negara asing, tuan-tuan dan puan-puan harus memahami peranan anda dan melaksanakan 'tugas' anda sebagai duta-duta negara.

Kita meletakkan harapan tinggi kepada tuan-tuan dan puan-puan semua untuk menjadi contoh yang baik dan menonjolkan imej yang positif demi menjaga nama baik Malaysia. Rakyat Malaysia di luar negara seharusnya menunjukkan pemikiran yang tinggi dan sikap yang penuh berhemah, sesuai dengan matlamat negara untuk mencapai wawasan 2020, dan muncul sebagai sebuah negara maju yang cemerlang gemilang dan terbilang.

Dalam pada itu, rakyat Malaysia di Brunei juga berperanan untuk menggalakkan rakyat Brunei supaya melawat Malaysia. Lazimnya keinginan seseorang untuk melawat tempat-tempat tertentu bermulanya dari interaksi antara individu-individu. Mainkanlah peranan anda untuk menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang terbaik, samada untuk tujuan pelancongan, pendidikan, perniagaan dan perdagangan. Jika rakyat kita di luar negara memainkan peranan mereka dengan baik, ini juga secara tidak langsung membantu memperkukuhkan ekonomi dan mengharumkan nama negara.

Dimasa yang sama, janganlah sekali-kali kita melakukan apa-apa perkara yang boleh menjatuhkan maruah bangsa dan Negara dan menggugat hubungan baik Malaysia dengan negara-negara sahabatnya. Jangan kita fikir bahawa jika kita berada jauh dari negara sendiri, kita bebas melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Ketahuilah, sebagai rakyat Malaysia, kita mempunyai tanggungjawab untuk menjaga nama baik negara walau di mana pun kita berada. Tiada alasan untuk kita mengabaikan tanggungjawab ini. Jika menghadapi masalah sekalipun, ada caranya untuk kita menyelesaikan masalah itu dengan baik, tanpa menjejaskan imej negara.

Kerajaan sentiasa perihatin dan mengambil berat akan kebajikan rakyat kita yang berada di luar negeri, dan kedutaan Malaysia sentiasa terbuka untuk membantu. Saya percaya jika mana-mana rakyat Malaysia -bukan sahaja di Brunei, malah di mana jua sekali pun menghadapi sebarang masalah, mereka boleh mendapatkan bantuan dan panduan dari kakitangan kedutaan tanpa ragu-ragu.

Bagi rakyat Malaysia di Brunei, saya percaya ini tidak menjadi masalah. Malah mungkin di zaman serba canggih ini, dengan adanya teknologi seperti internet, system Telekomunikasi canggih dan sebagainya, dan dengan adanya

sistem pengangkutan yang serba moden, rakyat Malaysia di Brunei tidak pun merasa mereka ini berada terlalu jauh dari tanahair sendiri. Walaubagaimanapun, perlu diingat bahawa hakikatnya kita masih di negara yang lain, masih di `tempat orang'. Oleh itu kita masih perlu menjaga perilaku, adab dan budibahasa kita, dan kita perlu mengawal tindakan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya harap rakyat Malaysia di Brunei mengambil kesempatan sewaktu mereka berada di sini, untuk menimba sebanyak mana ilmu yang mungkin dengan harapan bahawa suatu hari nanti ilmu yang diperolehi di sini dapat digunapakai di Malaysia kelak dan dapat disampaikan dan disebarkan pula kepada mana-mana pihak yang berminat dan berkaitan di Malaysia. Peralihan teknologi dan ilmu pengetahuan melalui cara ini pastinya akan membawa manfaat yang banyak kepada kita. Ingatlah, walau dimana kita berada sekali pun, sudah pasti ada ilmu pengetahuan yang baru yang dapat kita perolehi dari tempat itu. Jika kita mempunyai sikap ingin tahu, rajin dan tekun, sudah tentu kita dapat memperkayakan pengetahuan kita dengan setiap pengalaman yang kita lalui.

Saya doakan agar semua rakyat Malaysia di Brunei ini sentiasa berada dalam keadaan baik dan saya harap tuan-tuan dan puan-puan dapat menjalankan tugas masing-masing dengan cemerlang. Saya percaya anda semua mampu mengharumkan nama negara dan saya yakin pengalaman anda disini akan banyak membantu anda dan menyediakan anda untuk terus berjuang dan menyumbang kepada negara apabila anda pulang ke Malaysia kelak.

Sekian.